

14 AUG 1996

PERDANA MENTERI DAN KABINET MENJAMU SELERA DI MENARA KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Selepas mesyuarat Kabinet Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berserta dengan Menteri-menteri Kabinet lain menjamu selera di Restoran Seri Angkasa di atas Menara Kuala Lumpur, di sini, hari ini.

Majlis makan tengah hari itu dianjurkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Dr Mahathir dan Menteri-menteri lain diiringi oleh isteri masing-masing.

Semasa berada di menara setinggi 421 meter itu, mereka mengambil kesempatan menyaksikan pemandangan Kuala Lumpur dari menara itu.

Menara milik Telekom Malaysia yang bernilai RM270 juta itu dibuka untuk umum bulan lepas. -- BERNAMA

WE PR